

# TAFSIR ILMU SEBAGAI INSTRUMEN TADABBUR AYAT HAFAZAN: KAJIAN TEMATIK TERHADAP SURAH AL-BURUJ, AL-THARIQ DAN AL-SYAMS

## *TAFSIR ILMU AS AN INSTRUMENT FOR TADABBUR OF VERSES OF HAFAZAN: A THEMATIC STUDY OF SURAH AL-BURUJ, AL-THARIQ AND AL-SHAMS*

Siti Sarah binti Izham<sup>1\*</sup>  
Nuraini Shahbuddin<sup>2</sup>  
Shahirah Said<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Senior Lecturer, Academy of Islamic Contemporary Studies, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

(Email: sarahizham@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Felo Penyelidik, Faqih Group Sdn Bhd, Kota Damansara, Selangor, Malaysia.

(Email: khattatmuda@gmail.com)

<sup>3</sup> Senior Lecturer, Academy of Islamic Contemporary Studies, Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang, Malaysia.

(Email: Shahirah4572@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: sarahizham@uitm.edu.my

### Article history

Received date : 9-7-2025

Revised date : 10-7-2025

Accepted date : 4-9-2025

Published date : 10-9-2025

### To cite this document:

Izham, S. S., Shahbuddin, N., & Said, S. (2025). Tafsir ilmi sebagai instrumen tadabbur ayat hafazan: Kajian tematik terhadap surah al-Buruj, al-Thariq dan al-Syams. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 397 – 409.

**Abstrak:** *Al-Quran merupakan kitab petunjuk yang merangkumi pelbagai dimensi ilmu, termasuk isyarat terhadap fenomena alam yang membentuk asas kepada tafsir ilmi. Dalam pendidikan Islam, pengajaran hafazan al-Quran sering bermula dengan Juzuk 'Amma, namun pelaksanaan hafazan yang bersifat mekanikal tanpa pemahaman mendalam menjadi cabaran utama. Kajian ini bertujuan menganalisis kandungan tafsir ilmi dalam tiga surah terpilih daripada Juzuk 'Amma iaitu surah al-Buruj, al-Thariq dan al-Syams serta meneroka potensi tafsir ilmi sebagai instrumen tadabbur dalam pengajaran hafazan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap tafsir klasik dan kontemporari. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga surah mengandungi elemen saintifik berkaitan langit, bintang dan matahari yang dapat digunakan untuk mengaitkan kandungan al-Quran dengan pengetahuan semasa. Dapatan ini memberikan asas kepada pendekatan tadabbur yang lebih kontekstual dan berkesan dalam pengajaran hafazan, sekali gus meningkatkan penghayatan pelajar terhadap ayat yang dihafal.*

**Kata Kunci:** *Tafsir ilmi, tadabbur, hafazan al-Quran, Juzuk 'Amma, kajian tematik*

**Abstract:** *The Qur'an is a book of guidance that encompasses various dimensions of knowledge, including indications of natural phenomena that form the foundation of tafsir ilmi. In Islamic education, the teaching of Qur'anic memorization often begins with Juz 'Amma. However, the practice of mechanical memorization without deeper understanding has become a major challenge. This study aims to analyze the content of tafsir ilmi in three selected surahs from Juz 'Amma, namely al-Buruj, al-Tariq, and al-Shams, and to explore the potential of tafsir ilmi as an instrument of tadabbur in the teaching of memorization. This study employs a qualitative approach through document analysis of both classical and contemporary exegeses. The findings reveal that these three surahs contain scientific elements related to the sky, stars, and the sun, which can be utilized to connect the Qur'anic content with contemporary knowledge. These findings provide a foundation for a more contextual and effective tadabbur approach in the teaching of memorization, thereby enhancing students' appreciation of the verses they memorize.*

**Keywords:** *Tafsir ilmi, tadabbur, hafazan al-Quran, Juzuk 'Amma, thematic study*

## Pendahuluan

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang merangkumi pelbagai dimensi ilmu dan petunjuk yang kekal relevan sepanjang zaman. Selain mengandungi panduan akidah, ibadah dan akhlak, al-Quran turut merangkumi isyarat terhadap fenomena alam dan ciptaan Tuhan, yang boleh ditafsirkan melalui pendekatan tafsir ilmi. Tafsir ilmi merujuk kepada usaha mentafsir ayat-ayat al-Quran dengan mengaitkan kandungannya dengan pengetahuan saintifik dan realiti semasa.

Dalam sistem pendidikan Islam di peringkat sekolah, pelajar lazimnya memulakan pengajian hafazan al-Quran dengan Juzuk 'Amma. Walaupun silibus hafazan telah lama dilaksanakan, pengajaran hafazan sering kali tertumpu kepada pencapaian hafalan semata-mata tanpa penekanan terhadap pemahaman dan penghayatan maksud ayat (Maisarah et al., 2018). Keadaan ini mewujudkan jurang antara hafazan dengan tadabbur, yang menyebabkan pelajar gagal membina hubungan antara ayat yang dihafal dan realiti kehidupan mereka. Kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada strategi hafazan, motivasi pelajar, dan teknik pengulangan, namun belum banyak yang meneroka pendekatan tafsir ilmi sebagai satu bentuk tadabbur yang dapat memperkukuh pemahaman pelajar dalam konteks hafazan. Jurang ini menjadi asas penting yang mendorong kajian ini dilaksanakan.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk: (i) menganalisis kandungan tafsir ilmi dalam tiga surah terpilih daripada Juzuk 'Amma, iaitu Surah al-Buruj, al-Thariq dan al-Syams; (ii) mengenal pasti tema-tema ilmiah yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut; dan (iii) mencadangkan pendekatan tadabbur berasaskan tafsir ilmi yang sesuai digunakan dalam pengajaran hafazan.

Kajian ini penting dalam usaha memperkukuh pendekatan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang lebih bersepadu dan kontekstual. Ini selari dengan aspirasi Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Islam yang menekankan pembentukan insan seimbang dari aspek rohani, intelek dan sahsiah. Pendekatan tadabbur melalui tafsir ilmi mampu memberi dimensi baharu dalam pengajaran hafazan dengan mengaitkan kandungan al-Quran kepada pengetahuan alam dan kebesaran ciptaan Allah, sekali gus menjadikan proses hafazan lebih bermakna dan berimpak. Secara keseluruhannya, artikel ini menyumbang kepada

pengayaan pedagogi Pendidikan Islam melalui integrasi tafsir ilmi sebagai instrumen tadabbur ayat hafazan. Ia juga memperkuat hubungan antara ilmu wahyu dan ilmu semasa dalam pendidikan al-Quran, dan membuka ruang ke arah pengajaran hafazan yang bukan sekadar bersifat mekanikal, tetapi membina pemahaman mendalam, kesedaran intelektual dan penghayatan spiritual dalam kalangan pelajar.

### **Permasalahan Kajian**

Pengajaran hafazan al-Quran telah lama menjadi sebahagian daripada kurikulum pendidikan Islam, khususnya di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi tahfiz. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih banyak menekankan aspek pencapaian hafalan semata-mata tanpa memberi penekanan yang mencukupi terhadap pemahaman dan penghayatan makna ayat. Keadaan ini menimbulkan jurang yang ketara antara hafazan dan tadabbur sehingga ramai pelajar mampu menghafaz surah tertentu, khususnya dalam Juzuk 'Ammah, tetapi gagal menjelaskan makna atau mesej utama yang terkandung di dalamnya. Hal ini dipengaruhi oleh sistem pengajaran yang lebih berorientasikan sukatan hafazan, kekangan masa, dan ketiadaan modul tadabbur yang sesuai dengan tahap pelajar. Di samping itu, guru juga sering tidak diberi latihan pedagogi yang mencukupi untuk mengintegrasikan hafazan dengan pendekatan kontekstual dan lebih menumpukan kepada pemantauan ketepatan hafalan.

Kajian terdahulu pula banyak menumpukan kepada teknik hafazan, strategi motivasi, dan pengulangan, sedangkan usaha meneroka pendekatan tafsir ilmi sebagai instrumen tadabbur masih terhad. Kelemahan ini menyebabkan hafazan cenderung menjadi amalan ritualistik yang kering daripada roh al-Quran. Justeru, wujud keperluan untuk memperkenalkan pendekatan yang dapat menghubungkan hafazan dengan pemahaman secara lebih bermakna. Integrasi tafsir ilmi sebagai instrumen tadabbur dilihat berpotensi membantu pelajar memahami dan menghayati ayat hafazan dengan mengaitkannya kepada fenomena alam serta ilmu semasa, sekali gus menjadikan pengajaran hafazan lebih kontekstual, relevan dan berimpak dalam pembentukan pelajar berjiwa Qurani.

### **Kajian Literatur**

#### **Tafsir al-Ilmi**

Sejak al-Qur'an diturunkan kepada Rasulullah SAW, ia sentiasa berinteraksi rapat dengan umat Islam. Umat Islam meresapi ajaran al-Qur'an dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian mereka. Hubungan yang berterusan ini akhirnya melahirkan pelbagai bentuk penafsiran dan pemahaman, yang selalunya dipengaruhi oleh kecenderungan serta latar belakang pembaca. Salah satu bentuk tafsiran yang muncul sejak abad ke-4 Hijrah ialah tafsir 'ilmi, iaitu pendekatan tafsiran yang lahir daripada kecenderungan mufassir untuk meneliti dan mengaitkan ayat al-Qur'an dengan pemerhatian terhadap alam semesta. Para ulama klasik telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap tafsir 'ilmi. Mereka berusaha memahami ayat-ayat al-Qur'an dengan mengaitkannya kepada pengetahuan ilmiah yang berkembang pada zaman mereka. Usaha ini melibatkan pencarian hubungan antara kandungan al-Qur'an dengan pelbagai penemuan sains dalam bidang seperti astronomi, perubatan, dan ilmu alam yang lain. (Aisyah & Lilik, 2023).

Al-tafsir al-'ilmi merupakan istilah bahasa Arab yang terdiri daripada dua kata dasar iaitu al-tafsir dan al-'ilmi. Dari segi epistemologi, tafsir berasal daripada kata kerja fassara, yang bermaksud menjelaskan atau menghuraikan (Ibn Manzur, 2012). Dari sudut istilah pula, tafsir merujuk kepada satu disiplin ilmu yang bertujuan untuk memahami al-Qur'an, menjelaskan

maksudnya, serta menggali hukum-hukum dan rahsia yang terkandung di dalamnya. Menurut al-Zahabi (2005), ilmu tafsir membincangkan kehendak Allah SWT dengan sebaik-baiknya, merangkumi perkara-perkara yang memberikan kefahaman terhadap makna ayat dan penjelasan terhadap maksud yang terkandung di dalamnya.

Sementara itu, perkataan al-'ilmi berasal daripada kata dasar 'ilm, yang bermaksud ilmu, sains, pemahaman, dan maklumat (Ibn Manzur, 2012). Perkataan 'ilm sering disebut dalam al-Qur'an dan secara umum merujuk kepada semua jenis ilmu pengetahuan, sama ada dalam bidang sains tabii mahupun kemanusiaan (Ahmad, 2021). Dalam konteks al-Qur'an, istilah 'ilm merangkumi kedua-dua jenis ilmu: ilmu yang diwahyukan dan ilmu yang diperoleh melalui usaha manusia di luar wahyu. Ini menunjukkan bahawa istilah 'ilm tidak terbatas kepada ilmu agama semata-mata, sebaliknya mencakupi semua bentuk pengetahuan yang memberi manfaat kepada kehidupan manusia, termasuk ilmu alam semula jadi, sains sosial, dan kemanusiaan (Ahmad, 2021).

Menurut al-Zahabi (2005), tafsir 'ilmi ialah satu pendekatan tafsir yang menumpukan kepada istilah atau tema saintifik dalam al-Qur'an serta berusaha untuk menggali pelbagai bentuk ilmu pengetahuan dan pandangan falsafah daripada ayat-ayat tersebut. Al-Khalidi (2008) turut menegaskan bahawa tafsir 'ilmi ialah proses mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an secara selaras dengan kaedah dan penemuan sains moden, serta memberikan penjelasan saintifik terhadap kandungan ayat berdasarkan analisis kontemporari. Manakala Mazlan Ibrahim (2002) merumuskan corak tafsir al-'ilmi adalah tafsir yang membahaskan tentang ayat-ayat al-kawniyyah yang terdapat dalam al-Quran dan kemudiannya mentafsirkannya berpandukan teori-teori dan penemuan-penemuan sains yang tetap serta tiada lagi pertikaian padanya. Sehingga ke hari ini, belum ada lagi definisi yang tuntas berkaitan tafsir al-'ilmi. Tetapi apa yang perlu diketahui bahawa ia satu perbincangan yang menyentuh aspek ilmu ayat-ayat al-kawniyyah dengan pentafsiran berpandukan teori-teori dan penemuan-penemuan sains yang tetap serta tiada lagi pertikaian padanya (Wan Helmi et al., 2015).

Dalam era kontemporari, tafsir 'ilmi semakin mendapat perhatian seiring dengan perkembangan pesat dalam bidang sains dan teknologi. Para ulama moden berusaha mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an dengan merujuk kepada pengetahuan saintifik semasa. Mereka berpandangan bahawa terdapat banyak ayat dalam al-Qur'an yang mengandungi isyarat-isyarat ilmiah yang hanya dapat difahami dengan lebih jelas apabila sains berkembang. Pendekatan ini sering menimbulkan perdebatan dalam kalangan ulama, terutamanya antara mereka yang menyokong integrasi antara ilmu sains dan agama dengan mereka yang lebih konservatif dan berpegang teguh kepada kaedah tafsir klasik (Aisyah & Lilik, 2023).

Penting untuk difahami bahawa tafsir 'ilmi bukan sekadar usaha untuk mencari kebenaran saintifik dalam al-Qur'an, tetapi juga bertujuan untuk menunjukkan bahawa wahyu Ilahi mempunyai kaitan yang signifikan dalam setiap aspek kehidupan manusia, termasuk bidang ilmu pengetahuan. Pendekatan ini berperanan dalam memperkukuh keimanan umat Islam dengan membuktikan adanya keselarasan antara wahyu dan pengetahuan saintifik. Namun begitu, pendekatan ini perlu dilaksanakan dengan penuh teliti agar tidak membawa kepada penafsiran yang berlebihan atau menyimpang daripada konteks asal ayat-ayat al-Qur'an (Aisyah & Lilik, 2023).

### **Pengajaran hafazan dan keperluan pendekatan tadabbur**

Pengajaran hafazan al-Quran merupakan salah satu komponen penting dalam kurikulum pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah, khususnya di sekolah agama dan institusi tahfiz. Secara umumnya kebanyakan proses hafazan al-Quran di institusi pendidikan bermula dengan hafalan individu dan diikuti dengan Tasmik bersama rakan-rakan dan seterusnya guru. Tasmik adalah salah satu proses penting dalam menghafal Al-Quran bagi memastikan hafalan yang dilaksanakan mencapai kesempurnaan dan mentashihkan aspek tajweed dan makhraj. Tahap memori yang berbeza di kalangan pelajar memberi kesan kepada proses dan prestasi hafalan yang dilaksanakan. Guru akan menilai tahap hafazan pelajar melalui penyediaan buku hafalan prestasi seterusnya memudahkan proses penggredan pelajar (Nor Musliza & Mokmin Basri, 2014). Kaedah ini terbukti berkesan dalam membantu pelajar menghafal dalam jangka masa pendek, namun kurang memberi ruang kepada pengembangan kefahaman terhadap maksud ayat yang dihafal.

Menjadi keperluan untuk setiap pelajar yang menghafaz al-Quran untuk memahami apa yang dihafal. Menurut Rohana Zakaria et al. (2024) yang memetik kajian oleh Muhammad Toriq (2017) menunjukkan antara masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mentadabbur al-Quran adalah sistem, kaedah dan modul pembelajaran yang kurang memfokuskan kefahaman pelajar terhadap ayat al-Quran namun lebih fokus kepada sukatan hafazan yang telah ditetapkan. Dalam pada itu, Azmil Hasyim (2013) berpandangan para guru juga kurang menerapkan amalan tadabbur al-Quran semasa sesi pembelajaran dilaksanakan.

Kajian oleh Rahim et al. (2018) mendapati bahawa dalam kebanyakan kelas hafazan di sekolah menengah agama, guru lebih menumpukan kepada pemantauan ketepatan hafalan pelajar dan jumlah muka surat yang dihafal berbanding kefahaman isi kandungan. Aspek seperti latar belakang ayat (asbab al-nuzul), hubungan antara ayat, dan mesej utama sering diabaikan kerana kekangan masa, tekanan silibus, dan ketiadaan modul tadabbur yang sesuai dengan tahap pelajar.

Lebih membimbangkan, beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang mampu menghafaz surah-surah pendek dalam Juzuk 'Ammah, namun gagal memberikan huraian makna atau mesej utama ayat yang dihafal (Nasir & Mohd Daud, 2017; Azman et al., 2019). Ini menunjukkan wujudnya jurang yang ketara antara hafazan dan kefahaman, yang akhirnya menjejaskan penghayatan terhadap al-Quran sebagai sumber petunjuk hidup. Menurut Ishak dan Yusoff (2021), sebahagian guru juga mengakui bahawa mereka tidak diberi latihan pedagogi yang mencukupi untuk mengajar hafazan secara kontekstual atau integratif, dan menganggap hafazan sebagai komponen ibadah semata-mata.

Dalam konteks ini, keperluan untuk memperkenalkan pendekatan pengajaran yang menggabungkan hafazan dengan pemahaman menjadi semakin mendesak. Pendekatan tadabbur yang berasaskan kepada tafsir tematik atau tafsir ilmi boleh menjadi alternatif yang efektif, khususnya bagi surah-surah yang mengandungi isyarat kepada fenomena alam, sejarah dan keajaiban ciptaan Allah. Penerapan tafsir ilmi dalam pengajaran hafazan bukan sahaja dapat menghubungkan pelajar dengan kandungan ayat dari sudut saintifik, bahkan juga membantu mereka melihat keserasian antara ilmu wahyu dan ilmu semasa, selaras dengan aspirasi pendidikan Islam bersepadu (Mohd Salleh et al., 2022).

Kesimpulannya, amalan hafazan al-Quran di sekolah kini perlu ditambah nilai dengan pendekatan pemahaman dan penghayatan. Hafazan semata-mata tanpa kefahaman boleh

membawa kepada ritualisme yang kering daripada roh al-Quran. Oleh itu, integrasi antara hafazan dan tadabbur melalui pendekatan seperti tafsir ilmi diyakini mampu menjadikan pengajaran lebih bermakna, relevan dan holistik dalam membentuk pelajar berjiwa Qurani.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kepustakaan (library-based research). Sumber data utama terdiri daripada kitab-kitab tafsir klasik dan kontemporari yang mengandungi unsur tafsir ilmi, antaranya Tafsir Fi Zilal al-Quran, Tafsir al-Mishbah, dan Tafsir al-Azhar. Di samping itu, artikel jurnal, laporan ilmiah, dan sumber sains yang relevan turut dianalisis sebagai sumber sokongan.

Kaedah analisis dokumen digunakan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan kandungan tafsir ilmi yang terdapat dalam Surah al-Buruj, al-Thariq, al-Syams dan al-Lail. Ayat-ayat yang mengandungi unsur fenomena alam seperti bintang, langit malam, cahaya dan matahari dikenal pasti berdasarkan analisis kandungan tematik. Analisis dilakukan secara induktif dengan memadankan tafsiran ayat-ayat tersebut dengan konsep-konsep saintifik kontemporari.

Bagi menjawab objektif kajian, data dianalisis dalam tiga peringkat: (i) pengecaman ayat yang mengandungi unsur saintifik; (ii) interpretasi kandungan tafsir berdasarkan sumber primer; dan (iii) penyusunan dapatan mengikut tema utama yang berpotensi digunakan sebagai asas tadabbur dalam pengajaran hafazan. Validasi analisis dilakukan melalui semakan silang antara tafsir klasik dan kontemporari serta rujukan silang kepada sumber sains moden.

Dapatan disusun dalam bentuk tematik agar memudahkan guru memahami potensi tafsir ilmi dalam memperkukuh pemahaman pelajar terhadap ayat hafazan. Kajian ini tidak melibatkan data lapangan, dan skopnya tertumpu kepada analisis kandungan bagi tiga surah dalam Juzuk ‘Ammah.

### Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga surah terpilih daripada Juzuk ‘Ammah, iaitu Surah al-Buruj, Surah al-Thariq dan Surah al-Syams, dapat dirangkumkan kepada tiga tema utama. Pertama, Surah al-Buruj membawa tema bumi dan alam semesta. Kedua, Surah al-Thariq mengetengahkan tema bintang dan langit malam. Ketiga, Surah al-Syams menonjolkan tema matahari. Keempat-empat tema ini, berdasarkan analisis kandungan pentafsiran al-Quran, merujuk kepada unsur-unsur utama alam semula jadi. Hal ini amat penting dalam usaha memberi kefahaman yang mendalam kepada pelajar tentang hakikat kejadian dan kebesaran ciptaan Tuhan, sekali gus membawa mereka kepada kesedaran tentang keagungan Allah SWT sebagai Pencipta dan Pentadbir alam. Jadual 1.0 di bawah menunjukkan surah hafazan dan tema yang dibina berasaskan perbincangan al-ilmi di dalamnya.



Sumber: Analisis pengkaji

### Surah al-Buruj untuk Tema Bumi dan Alam Semesta

Surah al-Buruj (surah ke-85) terletak dalam Juzuk ‘Ammah dan mengandung 22 ayat. Tema utamanya berkisar tentang keteguhan iman ketika menghadapi ujian, serta jaminan Allah terhadap ganjaran dan pembalasan (Sholihah Kaswari, 2023). Surah ini dinamakan sempena ayat pertama yang menyebut “Demi langit yang mempunyai buruj” (wa al-samā’ dhāt al-burūj). Menurut Muhammad Syaari (2017), struktur surah ini boleh dibahagikan kepada lima segmen utama: sumpah Allah dengan makhluk (ayat 1–3), kisah Ashab al-Ukhduud (ayat 4–11), penegasan sifat Allah (ayat 12–16), kisah Firaun dan Thamud (ayat 17–20), dan penutup tentang keagungan al-Quran (ayat 21–22).

Kalimah al-buruj berasal daripada kata dasar al-burj yang membawa maksud sesuatu yang tinggi, jelas dan menonjol. Ia juga ditafsirkan sebagai rasi bintang atau gugusan bintang (Quraish Shihab, 2012; Fadzli, 2022). Ia juga bermaksud bangunan tinggi, benteng yang kukuh dan kuat dan juga membawa maksud bintang di langit yang berjumlah dua belas (Malyuna & Abdul Rofi’, 2022). Ia juga membawa maksud benteng kerana ia biasanya merupakan bangunan pertama yang dilihat sebelum memasuki sesebuah bandar atau kawasan. Apa sahaja definisi yang diberikan, menurut M Quraish Shihab (2012), ayat ini menunjukkan sesuatu yang sangat agung dan dahsyat. Al-buruj juga merujuk kepada kumpulan bintang (*constellation*) yang terletak dalam jalur zodiak dan menjadi sistem navigasi dan petunjuk musim dalam tamadun awal manusia. Syed Qutb (t.th) pula mentafsirkan buruj sebagai kawasan laluan tetap bintang-bintang dalam orbit peredarannya di langit, yang menunjukkan wujudnya sistem cakerawala yang tersusun rapi dan konsisten.

Dari perspektif tafsir ilmi, ayat ini membawa isyarat kepada keteraturan sistem astronomi seperti galaksi, orbit dan pergerakan objek langit. Gugusan bintang yang statik pada pandangan mata kasar hakikatnya berada dalam sistem galaksi yang dinamik dan penuh keseimbangan. Fenomena ini memberi mesej saintifik bahawa alam semesta adalah ciptaan yang teratur dan tidak berlaku secara rawak dan ia satu petunjuk kepada kebesaran Pencipta (Mohd Salleh et al., 2022).

Perkaitan tafsiran ilmi ini dengan ayat seterusnya ialah ia merupakan gambaran bumi terhadap rasi-rasi bintang seperti sebuah parit berapi yang diadakan oleh Ashabul Ukhduud untuk menghakimi dan menyeksa kelompok al-Muwahhidin (orang-orang yang mentauhidkan Allah) agar mereka murtad daripada ajaran tauhid itu. Ketika sifat antara rasi-rasi bintang dengan parit berapi itu memiliki persamaan, hal ini bermakna bahawa kedudukan kelompok al-Muwahhidin yang diuji keimanan mereka melalui parit berapi adalah begitu tinggi setinggi rasi-rasi bintang yang menghiasi cakerawala langit. Melihat tingginya kedudukan itu, maka setiap orang yang beriman pasti akan teringin untuk mempertahankan kedudukan iman dalam hatinya walau apa sahaja ujian mendatang (Sholihah Kaswari, 2023).

### Cadangan Tadabbur Tafsir Ilmi oleh Guru dalam Surah al-Buruj

Berdasarkan tafsiran terhadap ayat pertama Surah al-Buruj yang menyebut “Demi langit yang mempunyai buruj” (wa al-samā’ dhāt al-burūj), guru boleh mengaplikasikan pendekatan tadabbur tafsir ilmi untuk menghubungkan pelajar dengan fenomena alam serta membina nilai keimanan yang kontekstual.

Pertama, guru boleh memperkenalkan pelajar kepada konsep al-buruj sebagai rasi bintang (*constellations*) melalui visualisasi gugusan bintang yang membentuk susunan tertentu di langit, sepertimana yang ditafsirkan oleh para mufassir klasik dan kontemporari. Pelajar boleh

ditunjukkan gambar atau rajah susunan bintang seperti Orion atau Pleiades, serta dijelaskan bagaimana rasi bintang menjadi sebahagian daripada sistem galaksi dan orbit yang kompleks tetapi tersusun. Aktiviti ini memberi ruang kepada pelajar memahami bahawa ciptaan langit bukanlah rawak, tetapi teratur, saintifik dan menjadi tanda kekuasaan Allah SWT.

Kedua, guru boleh mengaitkan keteraturan sistem bintang ini dengan konsep tawhid rububiyah, iaitu keyakinan kepada kekuasaan dan ketelitian Allah dalam mengatur alam semesta. Guru boleh bertanya: “Mengapa bintang tidak bertembung antara satu sama lain?” atau “Siapakah yang menetapkan orbit bintang sejak awal penciptaannya?” Soalan-soalan ini merangsang pemikiran pelajar untuk berfikir secara kritikal dan bertadabbur terhadap ciptaan Allah.

Ketiga, dari sudut spiritual, guru boleh membawa pelajar menyelami mesej kisah Ashab al-Ukhduh (ayat 4–11), yang datang selepas ayat buruj. Guru boleh membimbing pelajar melihat hubungan simbolik antara langit yang penuh buruj dengan kekuatan iman para al-Muwahhidin. Sebagaimana bintang tetap bersinar di langit, begitu juga keteguhan akidah walau diancam parit api. Aktiviti tadabbur boleh dilakukan secara refleksi bertulis atau perbincangan kumpulan kecil: “Apakah bentuk ‘parit ujian’ yang kita lalui hari ini dalam mempertahankan iman dan prinsip?”

Akhirnya, guru boleh menutup sesi dengan pengukuhan nilai seperti keazaman, istiqamah dan kesedaran bahawa penciptaan langit bukan sekadar untuk dihias mata, tetapi untuk direnung dan membina kekuatan jiwa. Hubungan antara ayat, fenomena alam dan realiti kehidupan inilah yang membolehkan hafazan menjadi bermakna dan meninggalkan kesan yang mendalam kepada pelajar.

### **Surah al-Thariq: Tema Bintang dan Langit Malam**

Surah al-Thāriq (surah ke-86) tergolong dalam surah Makkiyyah dan diturunkan pada fasa awal dakwah secara terang-terangan. Menurut Muhammad Syaari (2017), ia diturunkan ketika pihak Quraisy mula merancang konspirasi menggagalkan dakwah Rasulullah SAW. Matlamat surah ini adalah membimbing kita untuk memantapkan kepercayaan terhadap wujudnya hari kebangkitan melalui fenomena penciptaan manusia yang menakjubkan sehingga kita akan mudah untuk percaya akan hadirnya malaikat yang akan menjaga dan menulis amal perbuatan kita untuk dipertanggungjawabkan pada hari kebangkitan nanti (Sholihah Kaswari, 2023).

Surah ini dinamakan sempena lafaz al-thāriq dalam ayat pertama: “wa al-sama’ wa al-thariq” (Demi langit dan yang datang pada malam hari). Perkataan al-thariq berasal dari akar kata tharaqa, yang membawa maksud "mengetuk", lalu berkembang maknanya kepada seseorang atau sesuatu yang hadir pada malam hari dengan membawa kesan atau perubahan (Quraish Shihab, 2012). HAMKA (2018) menjelaskan bahawa al-thāriq ialah bintang yang meluncur deras dan memiliki sinaran kuat yang menembusi kegelapan malam. Allah berfirman dalam ayat ketiga: “al-najm al-thāqib” (bintang yang menembusi), yang merujuk kepada sifat bintang yang cahayanya mampu menembusi langit malam yang gelap.

Dari perspektif tafsir ilmi, sesetengah sarjana moden seperti Tim Tafsir Ilmiah Salman ITB (2014) mencadangkan bahawa al-thāriq mungkin merujuk kepada komet iaitu objek angkasa yang muncul secara berkala dan mempunyai ekor bercahaya ketika menghampiri matahari. Ciri-ciri komet, seperti orbit elips yang panjang, pancaran cahaya yang tiba-tiba dan kehadiran yang jarang, selari dengan deskripsi al-Quran yang menyebutnya sebagai sesuatu yang luar



biasa (wa ma adraka ma al-thariq). Ini berbeza dengan objek langit lain seperti syams (matahari) atau qamar (bulan) yang lebih dikenali dan kerap kelihatan. Sainis menyatakan bahawa komet terdiri daripada ais, gas dan batu, dan apabila menghampiri matahari, haba matahari menyebabkan sublimasi bahan-bahan ini lalu menghasilkan ekor yang bercahaya (NASA, 2020). Tafsiran ini menunjukkan bagaimana al-Quran menarik perhatian manusia kepada fenomena kosmik yang jarang dan menakjubkan sebagai petunjuk kepada kebesaran Allah dan bukti kekuasaan-Nya untuk menghidupkan semula manusia pada hari kebangkitan.

### **Cadangan Tadabbur Tafsir Ilmi oleh Guru dalam Surah al-Thariq**

Dari sudut tadabbur untuk pelajar, pengetahuan tentang maksud al-Thāriq yang merujuk kepada objek langit luar biasa seperti komet membuka ruang untuk mereka melihat hubungan antara ayat al-Quran dan fenomena alam semesta secara lebih dekat dan bermakna. Kesedaran ini mendorong pelajar memahami bahawa ilmu sains yang mereka pelajari hari ini sebenarnya telah disebut dan diisyaratkan lebih awal dalam wahyu Ilahi.

Guru boleh memulakan sesi pengajaran dengan memperkenalkan konsep komet serta perbezaannya dengan bintang biasa. Imej dan video fenomena komet yang diperoleh daripada sumber astronomi seperti *National Aeronautics and Space Administration* (NASA) boleh digunakan untuk membina pemahaman pelajar. Melalui pendekatan ini, pelajar akan diajak merenung bahawa setiap ciptaan yang berlaku di langit bukanlah secara kebetulan, sebaliknya diatur oleh Allah SWT dengan penuh hikmah, ketelitian dan tujuan yang jelas.

Tadabbur seperti ini membantu pelajar membina hubungan antara kandungan surah yang dihafal dengan realiti kehidupan dan ilmu semasa. Ia juga membangkitkan rasa ingin tahu serta kekaguman terhadap kebesaran Allah, lalu memperkukuh keyakinan dan keimanan mereka. Justeru, penggabungan tafsir al-ilmi dalam pengajaran Surah al-Thariq dapat menjadikan proses hafazan lebih hidup, relevan dan membentuk kefahaman yang lebih mendalam dalam diri pelajar.

### **Surah Al-Syams dan Temanya Matahari**

Surah al-Syams (surah ke-91) terdiri daripada 15 ayat dan tergolong dalam kategori surah Makkiyyah. Ia dipercayai diturunkan selepas Surah al-Qadr dan menandakan fasa peralihan dakwah Rasulullah SAW dari pendekatan rahsia kepada terang-terangan (Syaari & Fakhrul Islam, 2023). Tema utama surah ini berkisar tentang kejayaan insan yang menyucikan jiwanya dan kebinasaan bagi mereka yang mengotorkannya. Dari segi struktur, surah ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, ayat 1 hingga 8 memperlihatkan siri sumpah Allah terhadap fenomena alam iaitu matahari, bulan, siang dan malam, langit dan bumi, serta penciptaan manusia sebagai bukti wujudnya jalan ketakwaan dan kefasikan. Kedua, ayat 9 dan 10 menegaskan kejayaan orang yang membersihkan jiwa dan kerugian mereka yang mengabaikannya. Ketiga, ayat 11 hingga 15 mengisahkan kaum Thamud yang dibinasakan akibat keingkaran mereka terhadap wahyu dan rasul.

Surah ini dinamakan dengan Al-Syams kerana Allah memulakan sumpahnya pada ayat pertama. Apabila sesuatu perkara dikaitkan dengan sumpah Allah, itu menandakan ia bukanlah perkara biasa. Terdapat anugerah luar biasa di sebaliknya yang membawa kebaikan besar kepada umat manusia (Rahmat Abdullah, 2015). Dari sudut bahasa, Al-Syams bermaksud matahari. Dari sudut konteks surah, surah ini dimulakan dengan Allah SWT bersumpah dengan matahari, suatu ciptaan-Nya yang besar dan membuktikan keagungan Allah SWT (Muhammad Zahin, 2021). Setiap ayat dalam surah ini berakhir dengan bunyi yang sama, mengandungi

hakikat tentang jiwa manusia, potensi, peranan serta tanggungjawabnya yang disampaikan dengan begitu indah melalui renungan terhadap fenomena dan keindahan alam. (Adil Muhammad Khalil, 2018). Tujuan utama surah ini adalah untuk menggalakkan manusia melakukan pelbagai amalan kebajikan serta menjauhi segala bentuk kejahatan. Penekanan ini disampaikan melalui pelbagai bentuk sumpah yang menyebut beberapa fenomena penting agar manusia mengambil perhatian dan pengajaran daripadanya. Hal ini bertujuan agar mereka mencapai kebaikan kerana jika tidak, mereka akan terdedah kepada ancaman dan bencana sebagaimana yang pernah menimpa umat terdahulu. (M Quraish Shihab, 2002).

Pada ayat pertama surah Al-Syams, Allah bersumpah dengan matahari dan cahayanya yang terang benderang. Matahari adalah sebuah bintang bersaiz sederhana dalam kalangan bintang-bintang biasa. Jarak puratanya dari bumi ialah kira-kira 150 juta kilometer. Ia berbentuk bola gas yang menyala dengan diameter sekitar 1,400,000 kilometer iaitu lebih 110 kali ganda diameter bumi (Zaghloul An-Najjar, 2007). Menurut An-Nabulsi, jika matahari terpadam, bumi akan menjadi sebuah kuburan ais dan suhunya akan menurun sehingga 350 darjah di bawah sifar. Ini bermakna jika bumi menghampiri matahari, ia akan terbakar dan jika menjauhinya, bumi akan membeku (Habibullah et al., 2024). Matahari melepaskan kira-kira lima juta tan (atau 4.6 juta tan) tenaga setiap saat. Dalam setiap saat, tenaga yang dipancarkan oleh matahari adalah bersamaan dengan pembakaran lebih daripada satu juta tan arang batu (Zaghloul An-Najjar, 2007).

Setelah meneliti tentang matahari berdasarkan ukuran jisim dan jaraknya, dapat difahami bahawa matahari merupakan salah satu sumber utama kehidupan di bumi. Cahayanya memberi manfaat kepada makhluk seperti membantu proses fotosintesis tumbuhan, menerangi kegiatan manusia pada waktu siang serta memberikan kehangatan kepada bumi. Namun, di sebalik kegunaan umum yang diketahui oleh kebanyakan manusia, cahaya matahari turut memberi pengaruh besar terhadap fungsi kelenjar-kelenjar dalam tubuh kita yang tidak kelihatan. (Habibullah et al., 2024). Menurut Syeikh Muhammad Abduh, Allah bersumpah dengan matahari supaya kita memberi perhatian terhadap terbit dan terbenamnya kerana ia adalah makhluk ciptaan Allah yang agung dan menakjubkan. Allah juga bersumpah dengan cahayanya pada waktu siang kerana cahaya itulah sumber kehidupan dan menjadi penerang dalam usaha manusia mencari petunjuk di alam ciptaan Allah yang begitu luas ini (Zahiruddin Zabidi, 2019).

### **Cadangan Tadabbur Tafsir Ilmi oleh Guru dalam Surah al-Syams**

Surah al-Syams bermula dengan sumpah Allah SWT terhadap matahari dan cahayanya yang menyinari seluruh alam. Dalam konteks tafsir al-ilmi, penyebutan matahari ini menunjukkan keagungan dan kekuasaan Allah dalam mencipta satu sistem semesta yang teratur dan seimbang. Guru boleh menjelaskan kepada pelajar bahawa matahari bukan sekadar sumber cahaya, malah merupakan pusat sistem suria dan elemen penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem bumi. Fungsinya meliputi proses fotosintesis, kitaran air, penentuan siang malam, serta penghasilan tenaga haba yang menyokong kehidupan manusia dan haiwan. Aspek saintifik ini boleh dikaitkan dengan fenomena fusi nuklear yang berlaku di dalam inti matahari, di mana atom-atom hidrogen bergabung dan melepaskan sejumlah besar tenaga dalam bentuk cahaya dan haba. Tenaga ini kemudiannya sampai ke bumi dan memberikan pelbagai manfaat yang tidak ternilai. Kefahaman ini boleh dijadikan asas untuk pelajar merenung kehebatan penciptaan Allah yang begitu teliti dan berfungsi secara sistematik.

Sebagai pengukuhan pemahaman, guru boleh melaksanakan aktiviti amali mudah di luar kelas. Contohnya, dua bekas berisi air diletakkan, satu di bawah cahaya matahari dan satu lagi di

kawasan terlindung. Selepas 15 hingga 20 minit, pelajar diminta mencatat dan membandingkan suhu kedua-dua bekas. Aktiviti ini membolehkan mereka melihat sendiri bagaimana cahaya matahari yang kelihatan biasa membawa kesan fizikal yang signifikan, sekali gus menimbulkan rasa kagum terhadap ciptaan Tuhan.

Melalui pendekatan tadabbur ini, pelajar bukan sahaja memperoleh pemahaman ilmiah tentang fungsi matahari, bahkan dapat mengaitkannya dengan nilai keimanan dan rasa syukur. Guru boleh memimpin sesi refleksi dengan persoalan seperti: “Bagaimana hidup kita jika tanpa matahari?” atau “Apakah kaitan antara cahaya matahari dengan hidayah Allah dalam hidup manusia?” Soalan seperti ini akan membantu pelajar menghubungkan ilmu yang diperoleh dengan kehidupan harian dan meningkatkan penghayatan terhadap kandungan surah yang dihafal. Akhirnya, gabungan pendekatan sains dan tadabbur ini dapat menjadikan pengajaran Surah al-Syams lebih bermakna. Ia bukan sahaja mengukuhkan proses hafazan pelajar, tetapi juga memupuk rasa kebergantungan kepada Allah dan penghargaan terhadap nikmat alam ciptaan-Nya.

### **Kesimpulan**

Kajian ini telah menganalisis kandungan tiga surah dalam Juzuk ‘Amma iaitu Surah al-Buruj, al-Thariq dan al-Syams melalui pendekatan tafsir al-ilmu dan mendapati beberapa dapatan penting. Pertama, setiap surah mengandungi elemen saintifik yang dapat dikategorikan kepada tiga tema utama: sistem bintang dan galaksi (al-Buruj), fenomena komet dan langit malam (al-Thariq), serta peranan matahari dalam kehidupan (al-Syams). Kedua, pendekatan tadabbur berasaskan tafsir ilmi didapati mampu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap ayat hafazan secara lebih kontekstual dan bersepadu. Ketiga, pengajaran berasaskan pengamatan alam dapat menyemai rasa keimanan, kekaguman terhadap ciptaan Allah dan memperkukuh nilai spiritual pelajar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar guru hafazan menyepadukan unsur tadabbur tafsir ilmi ke dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), khususnya bagi surah-surah yang mempunyai unsur saintifik. Modul sokongan atau bahan bantu mengajar juga boleh dibangunkan bagi menyokong pendekatan ini di peringkat sekolah. Kajian masa depan disarankan agar menjalankan kajian tindakan dalam bilik darjah untuk menilai keberkesanan sebenar pendekatan ini terhadap pencapaian pelajar dari segi pemahaman, hafazan dan penghayatan nilai. Penyelidikan lanjutan juga boleh meneliti potensi pengembangan pendekatan ini kepada surah-surah lain atau integrasi dalam kurikulum tahfiz dan pendidikan Islam secara menyeluruh.

### **Penghargaan**

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Rafulin Holding Sdn Bhd atas penganugerahan geran penyelidikan ini. Selain itu, ucapan terima kasih turut disampaikan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana menguruskan geran 100-TNCPI/PRI 16/6/2 (048/2024) yang bertajuk "Perkembangan Dan Cabaran Tafsir Al-Ilmi: Kajian Perbandingan Di Malaysia Dan Indonesia".

## Rujukan

- Ab Rahman, Syaari et al. 2023. Sirajan Munira: pelita Yang Menerangi. Selangor: Jejak Tarbiah.
- Abdullah, Rahmat. 2015. Benarkah Matahari Mengelilingi Bumi. Jakarta: Erlangga.
- Ahmad, W. H. S. W. 2021. The Argument and Perception of Ulama' Towards Al-I'jaz Al-I'Imi Methodology in Qur'anic Verses Exegesis. International Journal of Al-Qur'an And Knowledge (IJQK). Vol.1. Issue 1: 71-95
- Aisyah Afifah & Lilik Nurhidayah. 2023. Tafsir 'Ilmi dalam Perspektif Ulama Klasik dan Kontemporer dalam Izzatuna, Jurnal Ilmu Al-Quran dan Tafsir. Vol. 4, No. 1, Juni 2023.
- al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fatah. 2010. Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirin. Cet. 4. Dimashq: Dar alQalam.
- Al-Najjar, Zaghoul. 2007. Tafsir Ayat Al Kawniyyat Fi Al Quran Al Karim. Kairo: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyat.
- Al-Zahabi, M. H. 2005. Al-Tafsir wa al-Mufasssirin. Vol. 2. Cairo: Dar al-Hadith.
- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral. 2004. Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum Tahun 1. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar. 2000. Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari. Kaherah: Dar al-Taqwa.
- Daud bin Ismail, Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin & Mahadi bin Mohammad. 2014. Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia dalam Islamiyyat 36(2).
- Habibullah, I., Rifaannudin, M., Suharto, A., & Nurhidayah, M. 2024. Isyarah 'Ilmiyyah (Sains) dalam Al-Qur'an Surah Al-Syams Ayat 1-5 Perspektif Zaghoul Raghbi Muhammad An-Najjar. Studia Quranika.
- HAMKA. 2018. Tafsir al-Azhar Juzuk 30. Selangor: PTS Publishing House.
- Ibn Manzur, M. M. 2012. Lisan al-Arab. Vol.10 & 12. Beirut: Dar al-Sadir.
- Malyuna Milyari Faidah & Abdul Rofi'. 2022. Keunikan Pada Lafa al-Buruj Kajian Perbandingan Tafsir al-Kasyaf dan al-Azhar dalam Jurnal Studi Al-Qur'an dan Hukum. Vol. VIII No. 01, Mei 2022.
- Maisarah Thulhuda binti Mat Jafri, Mohd Faizulamri bin Mohd Saad & Sabri bin Mohamad. 2018. Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Murid Tahfiz. Jurnal alTurath. 3 (2).
- Mazlan Ibrahim. 2002. Sejarah & Pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir Ilmiy. Shah Alam. Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Mohd Yusof, Muhammad Zahin. 2021. Menyingkap tadabbur Juzuk Amma. Selangor: Tadabbur Centre.
- Muhammad Syaari Ab Rahman. 2017. Kompas 114. Selangor: Ibrah Paradigm Training & Consultancy.
- Noor Syahirah Zainal & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. 2024. Tahap Pembelajaran VAK Dalam Hafazan Al-Quran Murid Menurut Guru Pelatih Pendidikan Islam di IPGMK Negeri Sembilan dalam Kajian Terkini tentang Penyelidikan Pendidikan dalam Pendidikan Islam. Negeri Sembilan: IPGMKRM.
- Shihab, M. Quraish. 2002. Tafsir al-Mishbāh Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qur'an, Jakarta: Lentera Hati.
- Sholihah Kaswari. 2022. Juzuk 'Amma Kaedah Pemahaman & Pengurusan. Kuala Lumpur: Raudhah al-Miqyas
- Syed Qutb. 2001. Fi Zilal al-Qur'an. c. 30. Misr: Dar al-Syuruk.

- Tim Tafsir Ilmiah Salman ITB. 2014. Tafsir Salman: Tafsir Ilmiah Juz ‘Amma. Bandung: Mizan Pustaka
- Wan Helmy Shahrman, Wan Ahmad Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, & Kamarul Shukri Mat Teh. 2017. Metode Pentafsiran Al-Ilmiy Hamka Dan Al-Maraghiy Terhadap Ayat-Ayat Al-Kawniyyah: Satu Perbandingan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(6): 94-105.